

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : DALAM NEGERI

UtusanMalaysia m/s B 12/6/2025 (Khamis)

Hospital swasta mohon tangguh SST

PETALING JAYA: Persatuan Hospital Swasta Malaysia (APHM) memohon Kementerian Kewangan melanjutkan tempoh pelaksanaan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) sebanyak enam peratus yang dijadualkan bermula 1 Julai ini.

Pelaksanaan SST dikatakan memberikan kesan terhadap perkhidmatan penjagaan kesihatan swasta yang diberikan kepada pesakit bukan warganegara.

APHM memaklumkan, pelanjutan itu bagi memastikan peralihan yang lebih lancar, mengurangkan gangguan kepada perkhidmatan pesakit serta membantu memastikan pematuhan penuh terhadap keperluan baharu itu.

Jelasnya, tempoh pelaksanaan yang singkat menimbulkan cabaran operasi ketara kerana hospital swasta memerlukan masa mencukupi untuk menyesuaikan sistem pentadbiran, proses pengebilan dan prosedur pematuhan.

"APHM juga memohon penjelasan lanjut berkenaan pelaksanaan dasar tersebut, termasuk kesannya terhadap yuran profesional, layanan terhadap warga asing yang me-

netap di Malaysia dan perkara-perkara berkaitan lain.

"APHM kekal komited untuk bekerjasama dengan kerajaan dalam memastikan pelaksanaan dasar yang berkesan dan mampan," katanya.

Bermula 1 Julai, semakan semula cukai SST akan dilaksanakan dengan tidak melibatkan barangan dan perkhidmatan asas.

Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan berkata, ia telah melalui proses libat urus bersama pihak berkepentingan, khususnya persatuan industri dan ejen percukaian.

Tambah APHM, hospital swasta merupakan komponen penting dalam ekosistem penjagaan kesihatan negara yang menyediakan rawatan berkualiti kepada pesakit tempatan dan antarabangsa.

Menerusi satu penerbitan baru-baru ini oleh Nomad Capitalist, Malaysia diiktiraf sebagai antara 10 destinasi pelancongan kesihatan terbaik dunia.

"Industri pelancongan kesihatan Malaysia dijangka menjana pendapatan sebanyak AS\$2.7 bilion setiap tahun menjelang 2030," katanya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : DALAM NEGERI

Utusan Malaysia M/S 8 D/Negeri 12/6/2025 (Khamis)

Pahang haramkan penggunaan vape

Oleh NORHAFIZAN ZULKIFLI
utusannews@mediamulia.com.my

KUANTAN: Kerajaan Pahang memutuskan pengharaman penggunaan rokok elektronik atau vape secara menyeluruh di negeri ini selaras dengan fatwa yang dikeluarkan oleh Pejabat Mufti Negeri Pahang.

Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam, Kemajuan Desa dan Hal Ehwal Orang Asli negeri, Datuk Seri Syed Ibrahim Syed Ahmad berkata, keputusan itu dicapai selepas dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pahang di Pusat Pentadbiran Sultan Ahmad Shah (PPSAS) semalam.

Beliau berkata, fatwa berkenaan telah disampaikan kepada Pejabat Penasihat Undang-Undang Kerajaan Negeri Pahang pada 3 Mac lalu dan dibentangkan dalam mesyuarat kerajaan negeri pada 14 Mei.

"Fatwa ini turut mendapat limpah perkenan Sultan Pahang yang telah beberapa kali bertitah menyuarakan kebimbangan terhadap kesan buruk penggunaan vape," katanya dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat berkenaan.

Menurut Syed Ibrahim, pihak berkuasa tempatan disarankan melaksanakan penguatkuasaan secara berhemah dan berhikmah agar masyarakat memahami bahaya penggunaan vape.

"Kita faham peniaga mungkin berdepan kekangan, jadi mereka



SYED Ibrahim Syed Ahmad (tengah) selepas Mesyuarat Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pahang di Pusat Pentadbiran Sultan Ahmad Shah (PPSAS), Pahang, semalam.

boleh mulakan langkah secara beransur-ansur seperti tidak lagi mengambil bekalan vape.

"Pengguna pula digalakkan untuk berikhtiar meninggalkan tabiat ini dengan bantuan doa kepada Allah SWT," katanya.

Johor menjadi negeri pertama mengharamkan penjualan vape sepenuhnya sejak 2016, diikuti Kelantan dan Terengganu turut melaksanakan larangan serupa atas dasar kesihatan dan prinsip agama, manakala Perlis dijadual mengikuti perkara sama pada 1 Ogos ini.

Melaka pula dilaporkan sedang mempertimbangkan untuk mengenakan larangan penjualan vape di kawasan tertentu, manakala Selangor mengkaji pendekatan kawalan ketat menerusi pihak berkuasa tempatan.

Sebelum ini, Sultan Pahang, Al-Sultan Abdullah menitahkan agar penggunaan rokok elektronik atau vape diharamkan secara total, susulan kebimbangan baginda terhadap peningkatan penyalahgunaan dadah di negeri itu.

Sementara itu, Syed Ibrahim berkata, sebanyak tujuh kertas cadangan turut dibentangkan untuk diangkat ke Mesyuarat Majlis Kerajaan (MMK), termasuk berkaitan usaha pemutihan status penduduk Kedah-Burma yang kini menetap di negeri ini.

"Golongan ini merupakan keturunan asal Kedah yang berpindah ke Burma dan kembali ke negara ini akibat penindasan perkauman. Mereka kini menetap di Pahang melibatkan kira-kira 1,000 individu daripada 300 keluarga," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : NASIONAL

Sinar Harian M/s 19 Nasional 12/6/2025 (Khamis)

KHAMIS 12 JUN 2025 • SINAR HARIAN

Pahang haramkan penjualan vape

PBT diminta menguatkuasakan perintah larangan penjualan secara berhemah

Oleh NIK AMIRUL MU' MIN BIN NIK MIN Kuantan

Syed Ibrahim (tengah) ketika mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Hal Ehwal Islam Negeri Pahang Bilangan 1/2025 di PPSAS pada Rabu.

NEGERI YANG MELARANG PENGGUNAAN VAPE

- JOHOR** - Larangan penjualan vape sejak 1 Januari 2016
- KELANTAN** - Larangan penjualan vape sejak 2015
- TERENGGANU** - Larangan penjualan vape mulai 1 Ogos 2025
- PERLIS** - Larangan penjualan vape mulai 1 Ogos 2025
- KEDAH** - Tidak lagi menyambung pembaharuan lesen penjualan vape setelah lesen tamat tempoh
- PULAU PINANG & NEGERI SEMBILAN** - Pertimbang haramkan penjualan vape
- SELANGOR** - Arah papan tanda iklan, promosi vape diturunkan
- KERAJAAN PERSEKUTUAN** - Tidak haramkan penjualan namun mengawal selia kandungan vape termasuk mengenakan cukai
- PAHANG** - Larangan penjualan vape sebelum 2026

Kerajaan negeri sah akan menghentikan sebarang bentuk penjualan rokok elektronik atau vape selepas penggunaannya difatwakan haram sejak 2016.

Exco Hal Ehwal Agama Islam, Kemajuan Desa dan Hal Ehwal Orang Asli negeri, Datuk Seri Syed Ibrahim Syed Ahmad berkata, larangan itu dimuktamadkan selepas dibincangkan dalam Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri (MMK) pada 14 Mei lalu.

Menurutnya, keputusan itu juga mendapat perkenan Sultan Pahang, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al Mustafa Billah Shah termasuk dititahkan baginda dalam beberapa siri titah sebelum ini.

Beliau berkata, langkah penguatkuasaan larangan akan dilaksanakan segera atas kepayaan pihak berkuasa tempatan (PBT).

"Kita minta ia disegerakan pada tahun ini juga selewat-lewatnya sebelum 2026.

"Bagaimanapun, kita minta PBT menguatkuasakan perintah larangan penjualan ini secara berhemah dan berhemah," katanya.

Beliau berkata demikian ketika sidang akhbar selepas mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Hal Ehwal Islam Negeri Pahang Bilangan 1/2025 di Bilik Gerakan Sri Pahang, Pusat Pentadbiran Sultan Ahmad Shah (PPSAS) di sini pada Rabu.

Syed Ibrahim berkata, kerajaan negeri menyedari kesulitan bakal dihadapi terutama peniaga vape.

"Keputusan dibuat kerana kita sayangkan rakyat dan mengambil kira keburukan serta ancaman bahaya vape kepada kesihatan terutama remaja.

"Kita sarankan peniaga vape bersiap sedia menghentikan pembelian stok baharu dan mencari perniagaan lain lebih sesuai," katanya.

Pada masa sama, Syed Ibrahim menasihatkan pengguna vape supaya menghentikan tabiat yang boleh menjejaskan kesihatan.

Terdahulu, beberapa negeri memutuskan larangan itu termasuk Johor, Kelantan, Terengganu dan Perak.

Sebelum ini, Al-Sultan Abdullah menitahkan penggunaan rokok elektronik atau vape per-

Vape yang satu ketika dahulu dipromosikan sebagai alternatif lebih selamat kini terbukti mempunyai kesan buruk. - Gambar hiasan

Langkah penguatkuasaan larangan vape akan dilaksanakan segera di Pahang selewat-lewatnya sebelum 2026. - Gambar hiasan

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 19

RUANGAN : NASIONAL

Sinar Harian M/s 19 Nasional 12/6/2025 (Khamis)

Vape umpama racun baharu kepada generasi muda

KANGAR – Negara kini berdepan ancaman kesihatan awam semakin membimbangkan berkaitan budaya merokok yang kian berleluasa dalam kalangan generasi muda iaitu rokok elektronik atau vape.

Apa yang satu ketika dahulu dipromosikan sebagai alternatif lebih selamat kini terbukti mempunyai kesan buruk yang tidak boleh diabaikan.

Pengerusi Persatuan Putra Malaysia Negeri Perlis, Dr Nor Halmey Hamdah berkata, kajian menunjukkan penggunaan vape boleh menyebabkan ketagihan nikotin lebih tinggi dan merosakkan paru-paru serta sistem saraf.

"Berdasarkan laporan Universiti Johns Hopkins, banyak peranti vape mengandungi logam berat seperti plumbum dan nikel yang membahayakan penggunaan.

"Malah, Pusat Kawalan Penyakit (CDC) Amerika Syarikat mengesahkan kes penyakit paru-paru yang dikaitkan dengan vape, semakin meningkat termasuk dalam kalangan remaja," katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.

Beliau yang juga Pengerusi Rasuah Busters Perlis berkata, lebih membimbangkan lagi apabila budaya vape kini semakin menular di sekolah dan universiti.

Jelasnya, remaja dan pelajar semakin terdedah kepada risiko ketagihan dengan perisa manis seperti mangga dan strawberi menjadi tarikan utama mereka.

"Kajian mendapati mereka yang mula dengan vape berkemungkinan tinggi beralih kepada rokok biasa dan bahan terlarang lain.

"Dalam aspek alam sekitar, vape pakai buang semakin menjadi ancaman. Di United Kingdom sahaja, lebih lima juta peranti vape dibuang setiap minggu, mencemarkan ekosistem dengan bahan toksik seperti bateri litium dan logam berat," ujarnya.

Tambah beliau, melihat kepada situasi semakin kritikal, lebih 30 negara mengambil langkah mengharamkan penjualan dan penggunaan vape.

Menurutnya, negara jiran seperti Singapura dan Thailand juga sudah melaksanakan larangan penuh dan Malaysia perlu segera mengambil pendekatan tegas serta menyeluruh bagi menyelamatkan generasi akan datang.

"Kerajaan tidak boleh sekadar berdiam diri. Jika langkah drastik tidak diambil sekarang, kita berisiko kehilangan generasi muda kepada ketagihan tidak terkawal.

"Sudah tiba masanya untuk kerajaan bertindak mengharamkan vape sepenuhnya demi masa depan negara lebih sihat dan bebas bahaya nikotin," katanya.

Sebelum ini, media melaporkan penjualan rokok elektronik diharamkan di Perlis berkuat kuasa 1 Ogos depan.

Menteri Besar Perlis, Mohd Shukri Ramli berkata, keputusan itu dibuat berdasarkan larangan penggunaan vape yang diputuskan haram menerusi keputusan Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis mengenai rokok itu pada 2022.



NOR HALMEY

AKHBAR : THE SUN
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : NATIONAL



AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 13
RUANGAN : MINDA PEMBACA

BH M/513 Minda Pembaca 12/6/2025 (Khamis)

Derma darah menyelamatkan insan lain, tingkatkan kesihatan diri

Nurudisah
Abdul Raup,
Universiti
Pendidikan
Sultan Idris
(UPSI)

Derma darah adalah amalan mulia yang banyak memberikan manfaat kepada penerima mahupun penderma itu sendiri. Namun, perkara ini amat menyedihkan apabila kesedaran terhadap kepentingan menderma darah masih rendah dalam kalangan masyarakat di negara ini terutama remaja.

Oleh itu, adalah penting untuk menanam kesedaran berkaitan derma darah agar lebih ramai individu dapat menghulurkan bantuan kepada golongan memerlukan.

Darah diperlukan dalam pelbagai situasi terutama dalam situasi genting seperti kemalangan jalan raya, pembedahan besar dan ibu mengandung yang mengalami komplikasi ketika bersalin.

Hospital dan pusat kesihatan di seluruh negara memerlukan bekalan darah mencukupi pada setiap hari kerana situasi seperti ini tidak dapat dijangka bilakah akan terjadi.

Dengan menderma darah, seorang individu mampu menyelamatkan sehingga tiga nyawa kerana darah didermakan akan diproses dan dibahagikan kepada komponen berasingan seperti plasma, platelet dan sel darah merah.

Selain itu, penderma darah juga dapat berasaskan manfaat itu sendiri selepas menderma darah. Proses ini dapat mengurangkan sehingga 88 peratus risiko serangan jantung jika dilakukan sekurang-kurangnya sekali setahun seperti dibuktikan dalam *Jurnal Epidemiologi Amerika*.

Ini kerana unsur zat besi berlebihan dalam badan akan mengakibatkan kerosakan oksidatif yang boleh menyebabkan serangan jantung. Justeru, dengan menderma darah proses regenerasi darah akan berlaku dengan lebih kerap dan pengoksidaan kolesterol menjadi semakin perlahan.

Secara ringkasnya, perkara ini menghalang pengumpulan lemak dan kolesterol pada dinding arteri koronari yang menjadi punca serangan jantung.

Antara cabaran yang menjadi halangan dalam menggalakkan proses derma darah adalah mitos yang salah. Ada beranggapan dengan menderma darah fungsi badan akan menjadi semakin lemah yang akan membawa kesan sampingan lebih serius.

Kawalan ketat proses derma darah

Hakikatnya, menderma darah meningkatkan kesihatan tubuh badan individu penderma berkenaan. Proses pendermaan darah juga dilakukan dengan kawalan ketat oleh pihak kesihatan bagi memastikan keselamatan penderma.

Pelbagai usaha dilakukan bagi meningkatkan kesedaran masyarakat untuk menderma darah termasuk kempen derma darah diperluaskan melalui media sosial, sekolah dan tempat kerja.

Program derma darah pada masa kini biasanya

diadakan di kolej ataupun sekolah bagi menggalakkan orang muda untuk menderma. Inisiatif sebegini memberikan kesan baik dalam jangka panjang kerana generasi muda pada masa kini adalah peneraju masa depan negara.

Dengan memberikan dorongan kepada mereka, ini secara tidak langsung memupuk nilai murni dalam diri sejak usia muda kerana kalau tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya.

Hakikatnya, menderma darah adalah satu tindakan kecil membawa impak bermakna dalam kehidupan orang lain. Setiap titisan darah didermakan mampu menyelamatkan individu lain yang sedang bertarung nyawa.

Justeru, marilah kita bersama-sama mengambil langkah proaktif dalam menyokong kempen derma darah agar lebih banyak nyawa yang dapat diselamatkan.



Kesedaran kepentingan menderma darah masih rendah dalam kalangan masyarakat terutama remaja. (Foto hiasan)

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 22

RUANGAN : GAYA

Utusan Malaysia 12/6/2025 (Khamis)

Oleh CATHERINE IRENE MILTON
catherine.irene@mediamula.com.my

Taman permainan tertutup sarang HFMD

KEBANYAKAN ibu bapa atau penjaga gemar membawa anak-anak bermain di taman permainan tertutup, terutama di pusat beli-belah yang menawarkan persekitaran selamat, selesa dan terkawal. Walaupun nampak seperti bersih dan terjaga, realitinya, lokasi ini menjadi lubuk bakteria dan virus yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar.

Pengarah Perubatan di Klinik Perubatan Dermourra, Dr. Nadya Amin Shahrudin berkata, rata-rata kes penyakit kaki, tangan dan mulut (HFMD) dalam kalangan kanak-kanak dikesan merebak kerana pernah berkunjung ke taman permainan tertutup.

Katanya, ruang di taman permainan tertutup itu sering kali padat dengan sistem pengudaraan yang kurang baik.

"Setiap hari, permukaannya disentuh ratusan tangan, malah tidak semua ibu bapa prihatin terhadap tahap kesihatan anak.

lampin si kecil bocor ketika bermain dan bergaul dengan kanak-kanak lain tanpa segera menukarnya.

Bahkan, ada juga yang membuang lampin merata-rata tanpa memikirkan kebersihan dan keselamatan pengunjung lain.

Ia sekali gus meningkatkan risiko virus dan bakteria merebak di lokasi berkenaan.

"Kajian menunjukkan, tempat ini mengandungi lebih banyak bakteria berbahaya berbanding tandas awam, kerana permukaannya tidak disanitasi dengan kerap walaupun digunakan sepanjang hari," katanya.

AMALAN CUCI TANGAN
Jika anak menunjukkan tanda tidak sihat, walaupun hanya batuk kecil atau ruam ringan, elakkan bawa ke tempat awam termasuk taman permainan tertutup.

Nadya Amin turut menasihati ibu bapa supaya mendidik anak-anak tentang etika bersin, batuk dan amalan mencuci tangan.

Selain itu, pengusaha taman permainan pula diminta melakukan kerja-kerja nyah kuman secara berkala di samping mengawal jumlah pengunjung.

Langkah tersebut penting bagi memastikan kebersihan dan keselamatan sentiasa terjamin.

"Sediakan kemudahan cuci tangan mencukupi dan pekerja terlatih untuk menilai keadaan kesihatan kanak-kanak sebelum masuk.

"Tanpa pengawasan betul, tempat permainan boleh bertukar menjadi pusat penyebaran wabak," katanya.

Nadya Amin berkata, di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988, pihak berkuasa tempatan (PBT) dan Kementerian Kesihatan boleh mengambil tindakan sekiranya berlaku penularan di taman permainan tertutup.

NADYA AMIN SHAHRUDIN
"Kanak-kanak yang masih demam, batuk atau mengalami ruam tetap dibawa bermain di situ," katanya baru-baru ini.

Kata Nadya Amin, segelintir ibu bapa turut dikesan sengaja membiarkan




AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 18

RUANGAN : CETUSAN

SINAR HARIAN • KHAMIS 12 JUN 2025

Sinar Harian M/s 18 Cetusan 12/6/2025 (Khamis)



AKHBAR SATAR

Panas baran penyakit mental, diwarisi

Media sosial kecoh penularan rakaman video memaparkan kejadian seorang artis popular dilihat bertengkar dengan seorang lelaki di atas jalan raya selepas berlaku provokasi. Adakah panas baran ini ada kaitan dengan faktor genetik, persekitaran atau cuaca panas?

Panas baran adalah keadaan di mana seseorang tidak terkawal rasa marah seterusnya membawa tingkah laku agresif dan ganas. Ia salah satu masalah kesihatan mental daripada 200 jenis sakit jiwa.

Mengikut kriminologis tingkah laku disebabkan oleh panas baran adalah gabungan faktor genetik (*nature*) dan pengaruh persekitaran (*nurture*). Biasanya jika seseorang bapa panas baran sifatnya juga cepat marah atau mudah naik darah. Sesetengah individu mewarisi kecenderungan untuk cepat marah menunjukkan genetik atau keturunan me-

ainkan peranan dalam menentukan perangai seseorang.

Membesar dalam persekitaran huru-hara atau emosi tidak stabil boleh menyumbang perangai panas baran. Hakikatnya tingkah laku dipelajari (*behaviour is learned*) melalui keadaan sekeliling atau permasalahan yang berlaku dalam rumah tangga tidak stabil.

Pendekatan *parenting* berbeza seseorang dididik, dibesarkan, pergaulan dengan rakan sebaya juga mempengaruhi perangai dan tingkah laku seseorang.

Pengalaman di zaman kanak-kanak yang sukar termasuk konflik rumah tangga ibu bapa menyebabkan kesihatan mental dan gangguan emosi terjejas. Ia boleh menyebabkan trauma dan keadaan ini boleh diwarisi sepanjang masa, tambahan pula jika ia juga ada kaitan dengan faktor keturunan panas baran.

Cuaca juga boleh menambah seseorang jadi panas baran ke arah kecenderungan cepat marah. Sebab itu kekecohan berlaku ketika jalan raya sesak dan cuaca panas terik. Manakala satu teori mencadangkan suhu sangat sejuk juga boleh membawa kepada tahap tekanan mental terutama yang panas baran, menjurus jenayah kekerasan.

Antara kajian kriminologi adalah

tindakan agresif boleh disebabkan oleh provokasi orang yang panas baran. Contohnya apabila pemandu membunyikan hon terutamanya dalam keadaan cuaca panas terik dan kesesakan lalu lintas, pertelingkahan tidak akan berlaku jika sekiranya mangsa yang kena hon tidak mencetuskan provokasi. Ini dikenali sebagai *victim precipitation*.

Penyebab utama kekecohan terus berlaku apabila mangsa membalas balik provokasi. Orang cerdik tidak akan mengendahkan provokasi demi mengelakkan kekecohan menjadi lebih rumit.

Seseorang yang panas baran *perfectionist* pula boleh beri tekanan stres kepada diri, tempat kerja dan orang sekeliling. Sikap ini mencetus kitaran negatif yang membawa perasaan dendam, kepayahan dan permusuhan kronik.

Lama kelamaan, ini boleh menjejaskan kualiti hidup secara keseluruhan, menjejaskan mood, perhubungan, harga diri dan ada kes ekstrem sehingga berpotensi menyebabkan individu berkenaan bertindak ganas sehingga membunuh diri atau mengakibatkan kematian.

Yang anehnya walaupun seseorang ibu bapa berpendidikan tinggi dan mempunyai IQ tinggi tetapi EQ seseorang yang panas baran gagal mengendalikan

kecerdasan emosi diri dan tidak sepadan dengan taraf pendidikannya.

Hati kurang sabar selalu cepat saja melenting apabila berhadapan dengan kata-kata atau tindakan-tindakan pihak lain mencabar kesabaran dan egonya yang merasa diri lebih hebat daripada orang lain. Mengikut kajian dan pengalaman penulis, panas baran ini merupakan penyakit yang sukar dirawat.

Mereka sukar berhadapan dan sifat panas baran membuatkan ramai orang di sekeliling mudah berkecil hati. Cuma ada segelintir golongan panas baran ini hatinya baik dan cepat pulih selepas melepaskan geram, kembali normal seolah-olah tidak ada apa-apa berlaku. Ada juga ego tidak mahu mengalah tetapi sebahagian besar menyesal dengan tindakan mereka tetapi ia sukar dipulihkan.

Kesimpulannya, panas baran dan hilang sabar boleh beri kesan memudaratkan dalam pelbagai aspek kehidupan. Daripada hubungan tegang dan reputasi rosak kepada implikasi kesihatan serta gangguan dalam membuat keputusan akibat kemarahan tidak dibendung.

*Datuk Seri Dr Akhbar Satar ialah Kriminologis dan Pemegang Kursi Profesor Institut Jenayah & Kriminologi Universiti HELP Kuala Lumpur

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NEGARA

KOSMO MIS6 NEGARA 12/6/2025 (KHAMIS)

HR-V milik jururawat berisi dadah

IPOH – Misteri kereta Honda HR-V 'tersadai' di tepi jalan berhampiran sebuah loji di Taman Pulai Savana, Gerik membawa kepada penemuan dadah jenis methamphetamine dan ketamin bernilai RM4.7 juta pada Jumaat lalu.

Ketua Polis Perak, Datuk Noor Hisam Nordin berkata, keberadaan kenderaan utiliti sukan (SUV) itu menimbulkan kecurigaan kepada penduduk sebelum mereka melaporkan kepada pihak polis yang membuat pemeriksaan pada pukul 1 pagi.

"Pemeriksaan menemukan 80 pekete plastik lut sinar berisi bahan disyaki dadah jenis methamphetamine seberat 82.8 kilogram (kg) dan 39 pekete plastik lut sinar berisi dadah jenis ketamin seberat 40.3kg.

"Dadah dianggarkan bernilai RM4,667,850 itu dijumpai di bahagian but kereta," katanya kepada pemberita di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Perak di sini



NOOR HISAM (empat dari kanan) menunjukkan dadah yang dirampas pada sidang akhbar di IPK Perak, Ipoh semalam.

semalam.

Noor Hisam berkata, pemeriksaan lanjut dengan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) mendapati kenderaan itu didaftarkan atas nama seorang jururawat di Ser-

dang, Selangor.

Katanya, dadah itu dibawa masuk dari negeri jiran melalui Gerik untuk diedarkan di pasaran tempatan dan negeri bersebelahan.